

# PEMIKIRAN DR. MAHATHIR TENTANG ISLAM

**ISMAIL IBRAHIM**



SIDE DUA P.S

WAKTU INI

ADALAH MASA



=p



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



## *Pengantar*

SAYA memilih pemikiran Dr. Mahathir tentang Islam sebagai bahan karya saya kerana saya beranggapan bahawa beliau seorang pemikir dan pemikirannya itu pula telah dihalusi untuk dijadikan agenda pembangunan Islam di negara kita. Melalui kepimpinannya, beliau sentiasa berfikir untuk memajukan agama dan umat Islam, bukan hanya untuk umat Islam di negara kita, tetapi juga untuk umat Islam di seluruh dunia. Mesej itulah yang sentiasa dibawanya untuk dilaksanakan di negara kita oleh berbagai sektor dan agensi serta individu Muslim. Dibawanya juga ke dalam forum-forum antarabangsa untuk dikaji dan dilaksanakan oleh negara-negara Islam serta umatnya di mana saja mereka berada.

Ramai pemikir dunia yang memberi penghargaan kepada pembangunan Islam dan umatnya di negara kita kerana sikap sederhana dan hikmahnya,

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
No. 1 & 3, Jalan 3/91A  
Taman Shamelin Perkasa, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92856577  
Fax: 03-92846554/92875763  
e-mel: enquiry@upnd.com.my  
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
Terbitan Pertama 2002  
Ulang Cetak 2002

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

• ISBN 967-61-1338-7

21 AUG 2002

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB 01076475

Dicetak oleh  
YEOHPRINCO SDN. BHD.  
Lot PT 50595, Jalan Seruling 59,  
Kaw. 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang,  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

M  
959.5054

ISM

02

contoh tentang kepincangan masyarakat Barat dalam institusi keluarga dan sosial yang serius. Inilah antara ciri positif dalam ajaran Islam yang merupakan sumbangan yang dapat disumbangkan kepada tamadun manusia.

Pandangan pemikir ini merupakan pandangan yang bersifat objektif setelah beliau melihat kepada perkembangan Islam di negara-negara Arab dan Islam sebelum dan selepas peristiwa 11 September, yang baginya dalam keadaan dunia pada hari ini, tidak mungkin Islam dapat dibangunkan dalam bentuk radikal dan terpisah daripada pembangunan dunia moden.

Sebenarnya, inilah pemikiran yang cuba dibangunkan di negara kita selama ini iaitu pembangunan Islam yang berasaskan kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi, peningkatan ekonomi dan taraf hidup serta kesepaduan antara masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Dalam masa yang sama menolak dasar ekstrim dan radikal yang hanya akan mengakibatkan kelemahan agama dan umat Islam itu sendiri.

Seorang pemikir Mesir, Dr. Kamal Abul-Magd, menerangkan bahawa negara-negara Islam pada masa kini mengalami tiga jenis krisis besar. Pertama, ketinggalan daripada arus kemajuan dunia. Kedua, bertambahnya perselisihan dan perpecahan